

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SEW 214 - Makroekonomi II

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Jawab Soalan 1 dari Bahagian A, SATU (1) soalan dari Bahagian B dan SATU (1) soalan dari Bahagian C. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah TIGA (3). Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan.

Calon-calon dibenarkan mengguna mesin kira tanpa pemrograman.

Bahagian A (60 markah)

Soalan 1 (Wajib dijawab)

- A. Fungsi pengeluaran jangka pendek dan keluk penawaran buruh bagi sebuah ekonomi diberikan seperti berikut:

Fungsi pengeluaran: $Y = 100L - 0.2L^2$

Penawaran buruh : $L^s = 100 + 2.5(W/P)$.

Dapatkan:

- nilai keluaran sut buruh (MPL) pada $L = 100$
- keluk permintaan buruh

...2/-

- c. kadar upah benar dan jumlah gunatenaga pada keadaan keseimbangan
- d. keluk penawaran agregat jangka panjang
- e. keluk penawaran agregat jangka pendek jika $W = 30$

B. Pasaran buruh bagi sebuah ekonomi diberikan oleh persamaan persamaan berikut:

Permintaan buruh : $L^D = 100 - 5(W/P)$

Penawaran buruh : $L^S = 5(W/P)$

Tenaga buruh : $L^F = 5.3(W/P)$

Jika kerajaan memperkenalkan undang-undang upah minimum yang menyebabkan upah benar secara purata meningkat sebanyak 20 peratus, hitungkan nilai:

- a. kadar upah minimum dan jumlah gunatenaga
- b. kadar pengangguran (jawapan boleh diberikan dalam bentuk pecahan)
- c. kadar pengangguran semulajadi (jawapan boleh diberikan dalam bentuk pecahan)
- d. pengangguran kitaran.

C. Sebuah ekonomi mempunyai fungsi pengeluaran per kapita yang diberikan oleh:

$$y = k - 0.2k^2,$$

di mana y ialah output per kapita dan k modal per kapita. Jika kecenderungan mengguna sut (MPC) ialah 0.9 dan kadar pertumbuhan penduduk 4 peratus setahun, jawab soalan-soalan berikut:

- a. Dapatkan nilai k , y dan kadar pertumbuhan ekonomi pada keadaan mantap

b. Apakah yang akan berlaku kepada nilai-nilai k , y dan kadar pertumbuhan ekonomi dalam keadaan mantap jika perubahan-perubahan berikut berlaku:

i. nilai MPC merosot ke 0.8 ?

ii. kadar pertumbuhan penduduk meningkat ke 5 peratus setahun ?

Anda dikehendaki menghitung nilai-nilai berkenaan untuk membantu anda menjawab soalan ini.

D. Apakah yang akan berlaku kepada output, harga dan kadar bunga jika kerajaan mengendalikan dasar kewangan pengembangan dan dasar fiskal pengembangan secara serentak, di bawah andaian model-model berikut:

a. klasik

b. kes biasa (keluk penawaran agregat bercerun positif)

c. Keynes.

E. Keluk permintaan agregat dan keluk penawaran agregat jangka pendek bagi sebuah ekonomi adalah seperti berikut:

Permintaan Agregat : $Y^D = 6000 - 50P$

Penawaran Agregat : $Y^S = -4000 + 50P$,

di mana Y ialah output dan P harga. Andaikan ekonomi berada pada keadaan gunatenaga penuh. Jawab soalan-soalan berikut:

a. Jika penawaran wang meningkat sebanyak 10 peratus dan peningkatan ini dijangka dengan tepat, apakah nilai harga dan output?

b. Apakah kadar peningkatan upah, dan kenapakah upah meningkat pada kadar tersebut?

c. Dalam soalan (a), jika peningkatan penawaran wang tidak dijangkakan, apakah nilai harga dan output?

F. Pulau X hanya mempunyai 3 keluarga sahaja. Jumlah pendapatan bolehguna (Y_D) dan perbelanjaan (C) bagi ketiga-tiga keluarga diberikan seperti berikut:

Keluarga	Pendapatan Bolehguna		Perbelanjaan	
	<u>Tahun 1</u>	<u>Tahun 2</u>	<u>Tahun 1</u>	<u>Tahun 2</u>
A	10,000	12,000	5,000	6,000
B	16,000	16,000	10,000	10,000
C	20,000	22,000	15,000	16,500

Dengan menggunakan maklumat yang diberi, dapatkan:

- fungsi penggunaan jangka pendek bagi Pulau X jika peningkatan pendapatan bolehguna pada tahun 2 adalah sementara
- fungsi penggunaan jangka panjang jika pendapatan setiap keluarga pada tahun 1 menyamai pendapatan tetap (permanent income)
- Jika cukai sebanyak 1 peratus dikenakan ke atas pendapatan setiap keluarga, apakah kesan peningkatan cukai ini kepada fungsi penggunaan jangka pendek dan fungsi penggunaan jangka panjang sekiranya cukai yang dikenakan itu adalah:
 - sementara
 - tetap (permanent).

Bahagian B (24 markah)

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja

Soalan 2

Bincangkan sama ada pernyataan-pernyataan berikut **BETUL** atau **SALAH**.

- "Persaraan awal akan meningkatkan penggunaan agregat"
- "Dasar fiskal pengembangan akan menghimpit keluar pelaburan lebih sedikit apabila terdapat kesan kekayaan ke atas penggunaan berbanding dengan keadaan sebaliknya".

[24 markah]

Soalan 3

- Bincangkan mekanisme pengubahsuaian yang dicadangkan oleh model neoklasik bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh model Harrod-Domar.

- b. Bincangkan implikasi teori pencepat ke atas keberkesanan dasar fiskal dan dasar kewangan.

[24 markah]

Bahagian C (16 markah)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

Soalan 4

Beberapa dekad yang lalu, Argentina telah mengalami inflasi yang tinggi, dan rakyatnya telah biasa dengan keadaan upah dan harga turun naik dengan banyaknya. Dalam keadaan tersebut, kontrak-kontrak hanya wujud untuk tempoh yang pendek sahaja. Tetapi keadaan amat berbeza di Switzerland, di mana, harga didapati stabil dan kontrak-kontrak melibatkan jangka masa yang agak panjang. Nyatakan dan bincangkan, di antara kedua-dua negara ini, di dalam negara yang manakah dasar pengembangan akan lebih berkesan bagi tujuan meningkatkan output?

[16 markah]

Soalan 5

Oleh kerana inflasi dikatakan boleh dikurangkan tanpa melibatkan peningkatan pengangguran dalam jangka panjang, ada golongan yang berpendapat bahawa ia (kadar inflasi) harus dikurangkan hingga menjadi sifar. Walau bagaimanapun, ada golongan lain yang menganggap bahawa sesuatu kadar inflasi yang agak rendah tetapi stabil, katakan pada kadar 4 peratus, tidaklah menimbulkan masalah kepada ekonomi, dan dengan itu boleh dijadikan sebagai satu sasaran. Nilai kedua-dua hujah ini sepenuhnya.

[16 markah]

- oooOooo -